

PEMERKASAAN WANITA MELALUI AKTIVITI PENDIDIKAN DI MASJID DAN SURAU DI BANDAR ILMU PUTRA MAHKOTA, KAJANG, SELANGOR

**Sahlawati Abu Bakar,¹ Nazneen Ismail,¹ Khairunnisa Ismail¹ & Norul
Huda Bakar²**

¹Faculty of Islamic Civilization Studies, Universiti Islam Selangor (UIS), 43000 Bandar Seri Putra, Selangor, Malaysia.

²Faculty of Syariah & Jurisprudence, Universiti Islam Selangor (UIS), 43000 Bandar Seri Putra, Selangor, Malaysia.

Corresponding Author: Sahlawati binti Abu Bakar. Faculty of Islamic Civilization Studies, Universiti Islam Selangor (UIS), 43000 Bandar Seri Putra, Selangor, Malaysia. Email: sahlawati@kuis.edu.my.

Abstrak

Pemeriksaan wanita adalah satu aspek penting dalam menggalakkan kesetaraan gender dan membina masyarakat yang lebih inklusif. Kajian ini bertujuan meneroka aktiviti pendidikan di masjid dalam memperkasakan wanita dalam masyarakat. Di dalam kajian ini, fokus diberikan kepada peranan masjid sebagai pusat pendidikan dan aktiviti-aktiviti yang dijalankan di masjid dapat memperkasakan wanita. Pendekatan kualitatif digunakan dengan mengumpul data melalui temu bual mendalam dengan wanita-wanita yang terlibat dalam aktiviti pendidikan di masjid di Bandar Ilmu Putra Mahkota, Kajang. Kajian mendapati aktiviti pendidikan yang dijalankan adalah seperti kuliah berkitab, tadarrus dan tajwid al-Quran, kelas tadabbur al-Quran, kelas pengurusan jenazah dan kelas memasak. Hasil daripada kajian ini diharapkan dapat memberikan wawasan yang lebih mendalam tentang bagaimana aktiviti pendidikan di masjid dapat menjadi wahana penting untuk memperkasa wanita dan melibatkan mereka secara lebih aktif dalam pembangunan masyarakat. Penemuan dari kajian ini juga diharapkan dapat memberikan panduan kepada pihak berkepentingan dalam merancang program-program pendidikan di masjid yang lebih inklusif dan berdaya saing untuk wanita.

Kata kunci: pemeriksaan wanita, aktiviti pendidikan, masjid, surau, imarah

(WOMEN'S EMPOWERMENT THROUGH EDUCATION ACTIVITIES IN THE MOSQUE)

Abstract

Women's empowerment is critical to establishing gender equality and creating a more inclusive society. The purpose of this research is to investigate on educational activities in mosques may empower women in society. The significance of the mosque as an educational centre is highlighted in this study, as well as how mosque activities might promote women's empowerment. A qualitative technique was utilised to collect data from women involved in educational activities at the mosques in Bandar Ilmu Putra Mahkota, Kajang, through in-depth interviews. The study discovered that educational activities such as lectures, tadarrus and tajwid al-Quran, tadabbur al-Quran classes, marhaban, and funeral management were carried out. The findings of this study should provide a better understanding of how educational activities in mosques can be a significant vehicle for empowering women and involving them more actively in community development. The study's findings are also expected to give stakeholders with guidance in developing educational programmes in mosques that are more inclusive and competitive for women.

Keywords: *Women's empowerment, educational activities, mosques, lectures, tadabbur*

Received: Oct 26, 2023

Accepted: Dec 11, 2023

Online Published: Dec 31, 2023

1. Pendahuluan

Pendidikan adalah salah satu aspek penting dalam memahami dan mewujudkan perubahan positif dalam masyarakat. Pendidikan memainkan peranan utama dalam pemeraksanaan wanita, peranan masjid dalam menyediakan pendidikan yang efektif dan inklusif kepada wanita sering kali kurang diberi perhatian yang mencukupi (Nyhagen, 2019). Masjid, sebagai pusat keagamaan dan sosial dalam masyarakat Islam, mempunyai potensi yang besar untuk menjadi platform penting bagi pemeraksanaan wanita melalui aktiviti pendidikan. Justeru, usaha dalam menggalakkan pendidikan di masjid dilakukan melalui aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan pendidikan.

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji secara lebih mendalam tentang aktiviti pendidikan di masjid dapat memainkan peranan yang lebih besar dalam pemeraksanaan wanita dalam masyarakat, serta untuk mengenal pasti cabaran-cabaran yang mungkin dihadapi dalam proses ini. Dengan memahami lebih baik pemeraksanaan wanita melalui aktiviti pendidikan di masjid, strategi yang lebih berkesan boleh dirancang untuk memajukan peranan wanita dalam masyarakat serta untuk mencapai kesetaraan gender yang lebih besar dalam konteks agama Islam.

2. Aktiviti Pendidikan di Masjid

Ahli kariah masjid memainkan peranan penting dalam memperkasa dan menggalakkan pelaksanaan pelbagai aktiviti di dalam masjid, seperti yang didapati dalam kajian oleh Muhyiddinn & Ridouan (2020). Kajian sebelum ini menunjukkan bahawa masjid mempunyai skop pengimarahkan yang meliputi bidang-bidang yang pelbagai termasuk pendidikan, aspek sosio-budaya, komunikasi, ibadah, keusahawanan, dan juga sebagai tempat untuk pengaduan masyarakat (Mustari & Jasmi, 2008; Muttaqin & As'adi, 2019; Ufiana, 2016). Selain daripada itu, penekanan yang diberikan oleh masjid terhadap generasi muda juga memainkan peranan yang signifikan, dengan penekanan khas pada penglibatan belia dalam usaha mengimarahkan masjid, seperti yang disebutkan oleh Basit (2009). Ini menunjukkan bagaimana komuniti masjid bekerja secara bersepadu untuk menyediakan platform yang komprehensif untuk pembangunan dan pemberdayaan masyarakat Muslim. Aktiviti pendidikan yang akan dibincangkan dalam artikel ini adalah daripada dua aspek iaitu aktiviti umum dan aktiviti yang melibatkan muslimat.

Di antara aktiviti umum yang sering diadakan di dalam masjid dan surau termasuklah ceramah agama, sambutan perayaan Islam, pengajian kitab, dan kuliah-kuliah bulanan (Mustari & Jasmi, 2008; Norani & Abdullah, 2020). Walau bagaimanapun, kajian ini mendapati bahawa, walaupun penulis tidak secara tegas menyatakan penglibatan wanita dalam aktiviti-aktiviti tersebut dalam penulisan mereka, dalam ibadah, kuliah atau ceramah yang dijalankan secara umum tanpa penekanan khusus kepada wanita turut dihadiri oleh jemaah wanita secara meluas.

Dalam konteks masjid, terdapat pelbagai aktiviti diadakan sebagai sebahagian daripada usaha mengeratkan hubungan antara masyarakat Islam dan membina kefahaman tentang nilai-nilai agama. Ini termasuk sambutan istimewa seperti Isra' Mikraj dan Nuzul al-Quran, yang merupakan peristiwa penting dalam kalendar Islam. Kajian oleh Ufiana (2016) menunjukkan bahawa perayaan ini diadakan di banyak masjid untuk menyatukan masyarakat Islam dalam semangat keagamaan dan meningkatkan kefahaman mereka tentang sejarah agama Islam. Selain itu, aktiviti lain seperti kursus mikroekonomi, takmir masjid, forum, serta kuliah seperti kuliah subuh, kuliah dhuha, dan kuliah bulanan yang dikenal pasti (2020) dan Priyono et al. (2020), memberi peluang kepada masyarakat. Umat Islam untuk melibatkan diri dalam pembelajaran, perbincangan, dan peningkatan diri dalam pelbagai aspek kehidupan mereka.

Aktiviti ini mencerminkan peranan penting masjid dalam menyediakan platform bagi pembangunan sosial, intelek dan rohani masyarakat Islam (Basit, 2009). Selain itu, ia turut mencerminkan betapa masjid bukan sahaja berperanan sebagai tempat ibadat, tetapi juga sebagai pusat kegiatan yang berusaha memenuhi keperluan pelbagai aspek kehidupan masyarakat Islam. Kepentingan aktiviti ini dalam membentuk dan mengukuhkan masyarakat Islam menekankan bahawa masjid bukan sekadar bangunan yang berwajah keagamaan, tetapi sebenarnya merupakan tempat pusat yang dinamik dan berdaya saing dalam menyokong pembangunan holistik masyarakat Islam (Norani & Abdullah, 2020).

Selain daripada aktiviti-aktiviti yang telah dinyatakan sebelum ini, terdapat beberapa lagi aktiviti umum yang kerap dijalankan di dalam masjid. Antara aktiviti ini termasuklah bacaan Yassin, program khatam al-Quran, kuliah khas untuk belia, kursus persediaan haji dan umrah, serta gotong-royong, seperti yang telah dicatat dalam kajian oleh Mustari & Jasmi (2008) dan Muttaqin & As'adi (2019). Mereka memainkan peranan penting dalam mengukuhkan nilai-nilai keagamaan dan sosial dalam masyarakat, serta menyediakan pelbagai peluang untuk pembelajaran dan penglibatan aktif anggota-anggota komuniti. Dengan demikian, aktiviti-aktiviti ini memperlihatkan bagaimana masjid berfungsi sebagai entiti yang holistik dan berdaya saing dalam menyokong perkembangan masyarakat Muslim.

Aktiviti pendidikan yang diadakan khusus untuk wanita di dalam masjid memainkan peranan penting dalam pemerksaan dan pembangunan intelektual mereka. Kajian oleh Ufiana (2016) telah mengenalpasti beberapa aktiviti pendidikan khusus untuk wanita yang dijalankan di masjid, seperti kelas tafsir al-Quran dan kelas-kelas pengajian agama. Aktiviti-aktiviti ini memberikan platform yang kondusif bagi wanita untuk memahami dan mendalami ajaran agama, serta untuk meningkatkan pemahaman mereka tentang Islam.

Selain daripada itu, ceramah fiqh wanita, program khatam al-Quran, pengurusan jenazah, dan tahsin al-Quran adalah contoh lain dari aktiviti-aktiviti pendidikan yang disesuaikan untuk wanita di dalam masjid (Bakar et al., 2021). Aktiviti-aktiviti ini membantu wanita untuk memperoleh pengetahuan dan kemahiran yang berkaitan dengan urusan agama dan kehidupan sehari-hari, serta memperkukuhkan peranan dan kehadiran mereka dalam komuniti Muslim. Dengan menyediakan peluang pendidikan yang khusus untuk wanita, masjid berperanan sebagai pusat penting dalam memberi sumbangan kepada pembangunan dan pemerksaan wanita Muslim.

Secara keseluruhan, aktiviti umum yang dijalankan di dalam masjid serta aktiviti pendidikan yang disusun khusus untuk wanita mewakili peranan penting masjid dalam membangunkan komuniti Muslim secara holistik. Aktiviti-aktiviti ini mencakupi pelbagai aspek kehidupan dari ibadah, pendidikan, sosial, dan budaya. Dengan melibatkan wanita secara aktif dalam pelbagai kegiatan, masjid berfungsi sebagai pusat yang mendorong pemahaman agama yang lebih mendalam, perkongsian pengetahuan, dan pemerksaan wanita dalam masyarakat.

Oleh itu, peranan masjid sebagai institusi yang berdaya saing dalam mendorong pemerksaan wanita dan meningkatkan kesedaran agama adalah suatu aset yang sangat berharga dalam pembangunan komuniti Muslim yang inklusif dan berbudaya. Untuk itu, kesinambungan dalam menyokong dan mengukuhkan aktiviti-aktiviti ini perlu diberi tumpuan dalam usaha untuk mencapai tujuan pembangunan komuniti yang lebih mapan dan sejahtera.

3. Metodologi

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk kajian kes. Reka bentuk ini dipilih kerana kajian ini bertujuan untuk meneroka, membuat interpretasi dan mendapat pemahaman yang mendalam tentang sesuatu entiti iaitu muslimat masjid dan surau. Bagi kajian ini, 3 buah masjid dan 3 buah surau dipilih sebagai sampel kajian. Lokasi masjid dan surau yang dipilih adalah yang berada dalam kawasan Bandar Ilmu Putra Mahkota iaitu di

Bandar Seri Putra dan Bandar Bukit Mahkota, Kajang. Pemilihan sampel dilakukan secara bertujuan dengan tertumpu kepada wakil biro muslimat bagi setiap masjid yang terlibat untuk mendapatkan maklum balas berkaitan persoalan kajian.

Berdasarkan kaedah pensampelan dan faktor lokasi, 3 orang ketua biro muslimat masjid dan 3 orang ketua biro muslimat surau telah dipilih sebagai peserta kajian iaitu Masjid A, Masjid B, Masjid C, Surau A, Surau B, dan Surau C. Bagi tujuan pengumpulan data, kajian menggunakan instrumen protokol temubual melalui kaedah perbincangan kumpulan terfokus (*focus group discussion*). Peserta kajian yang terlibat dalam kajian ini adalah anggota jawatankuasa muslimat yang masih berkhidmat dalam tempoh lantikan mereka.

Data temubual kemudiannya ditranskrip dan dianalisis menggunakan kaedah analisis bertema dengan menggunakan perisian *ATLAS.ti*. Analisis bertema merupakan kaedah untuk meneliti perspektif peserta kajian berbeza dalam mengenal pasti tema dan kaitan pola-pola dalam sebuah fenomena melalui perbandingan antara persamaan dan perbezaan (Frieze, 2012; Siti Uzairiah, 2017).

4. Dapatan dan Perbincangan

Kajian mendapati aktiviti pendidikan yang dilakukan di masjid adalah kuliah berkitab, kelas tadarrus dan tajwid al-Quran, kelas tadabbur al-Quran, marhaban dan pengurusan jenazah.

4.1 Kuliah Berkitab

Menurut responden daripada surau B aktiviti pendidikan yang dijalankan di surau beliau adalah kuliah berstruktur dan berkitab seperti kitab tafsir, syarah aqidah, hadis arbain dan bahasa Arab, seperti pernyataan berikut:

Kuliah-kuliah yang berstruktur dan berkitab. Antara subjek-subjek yang kita adakan ialah tafsir dan tadabbur, syarah aqidah, hadis arbain dan juga Bahasa Arablah.

Responden Surau B

Manakala responden masjid A menyatakan

Kuliah dhuha setiap Sabtu, minggu pertama adalah Ustazah Nazirah daripada JAKIM. Sebelum ini dia bawa kitab Rumah tangga nabi. Lepas itu sekarang ini Asam Garam Rumah Tangga Nabi.

Responden Masjid A

Responden Surau C memberikan maklumat tentang aktiviti pendidikan yang dijalankan di surau beliau, termasuk kelas-kelas mengenai fekah, akidah, tafsir, dan pengajaran al-Quran yang dijalankan oleh pelbagai ustazah dan ustaz. Selain itu, beliau juga menyebut mengenai kelas-kelas khusus untuk anak-anak kariah yang mengajar membaca al-Quran dan Iqra. Maklumat ini menggambarkan keragaman program pendidikan dan pengajaran yang

tersedia di Surau C untuk memenuhi keperluan pelbagai segmen masyarakat. Penyataan responden:

Minggu pertama kita orang panggil ada kelas fekah. Ustazah Nazirah. Guna kitab Tazkif an-Nisa'. Yang minggu kedua, Akidah Ahli Sunnah wal Jamaah, Ustazah Nor Faridah. Yang ketiga dan keempat kita panggil ustazah Radiah. Yang ketiga tu kitab fekah Mari Mengerjakan Solat itu, yang keempat Tafsir Surah al-Kahfi. Hari Isnin dan Rabu ada buat kelas untuk anak-anak kariah, Iqra dengan al-Quran. Ustaz Muhammad Ikmal.

Responden Surau C

Responden Surau B memberikan maklumat tentang subjek-subjek yang diajar di dalam surau, termasuk Syarah Aqidah, Hadis Arbain, dan Fiqh Muyasar, yang mengambil rujukan dari kitab-kitab klasik dalam Islam. Aktiviti pengajaran juga mencakup kuliah Bahasa Arab dan subjek Tafsir dan Tadabbur, dengan penekanan pada penggunaan bahan mengajar dari tenaga pengajar dan rujukan kepada kitab al-Quran. Ini menunjukkan komitmen Surau B dalam menyediakan pendidikan agama yang komprehensif dan berfokus pada pemahaman ajaran Islam. Penyataan responden:

Antara subjek yang kita ada ialah Syarah Aqidah merujuk kepada kitab Syarah Aqidah Ahlu Sunnah wal Jamaah. Hadis Arbain merujuk kepada Syarah Hadis Arbain Penjelasan Hadis dari Imam Nawawi. Ketiga fiqh muyasar merujuk kepada kitab Fiqh Muyasar. Ini setiap hari Jumaat minggu pertama dan ketiga dan ada kuliah Bahasa Arab setiap hari Isnin ya. Bahan mengajar ini dari tenaga pengajarliah dan merujuk kepada kitab al-Quran dan ada satu subjek Tafsir dan Tadabbur.

Responden Surau B

Responden dari Masjid A menyampaikan informasi mengenai aktiviti pengajaran di masjid tersebut. Setiap minggu ke dua, mereka mengundang ustazah Safawati dari UNITEN untuk membahas doa-doa dari al-Quran. Minggu ketiga, mereka menjemput ustazah yang mengajar tafsir, dengan penekanan pada kitab Tadabbur surah an-Nur dari kitab Fi Zilal. Minggu keempat, aktiviti pengajaran disampaikan oleh ustazah Izzatiaini dengan fokus pada kitab Riayadus Salihin. Maklumat ini mencerminkan kepelbagaian topik yang diajar di dalam Masjid A, memberikan peluang kepada jemaah untuk mendalami aspek-aspek berbeza dalam agama Islam. Penyataan responden:

Minggu kedua setiap Sabtu juga kita panggil ustazah Safawati daripada UNITEN. Dia bawa tajuk, Doa-Doa daripada al-Quran. Minggu ketiga ustazah tafsir, dia bawa tajuk Tadabbur an-Nur kitab Fi Zilal. Minggu keempat ustazah ini ustazah Izzatiaini. Dia bawa tajuk Riayadus Salihin.

Responden Masjid A

Responden dari Surau C, Surau B, dan Masjid A telah memberikan gambaran yang baik dan pelbagai mengenai aktiviti pendidikan yang dijalankan di masjid dan surau mereka. Ini mencakup pelbagai subjek yang diajar, termasuk Aqidah, Hadis Arbain, Fiqh Muyasar, Tafsir, dan Tadabbur, dengan merujuk kepada kitab-kitab agama yang relevan. Terdapat juga penekanan pada pengajaran Bahasa Arab. Kesemuanya menunjukkan komitmen yang jelas dalam menyediakan pendidikan agama yang komprehensif untuk masyarakat setempat. Aktiviti-aktiviti ini mencerminkan pentingnya masjid dan surau sebagai pusat-pusat pendidikan dalam masyarakat Muslim, yang menyumbang kepada pemahaman yang lebih mendalam tentang agama Islam dan pemerkasaan komuniti Muslim secara holistik. Kesimpulannya, aktiviti pendidikan ini mencerminkan peranannya yang penting dalam membentuk pemahaman agama yang lebih baik dan pemberdayaan jemaah dalam aspek-aspek berbeza kehidupan mereka.

4.2 Kelas tadarrus dan tajwid al-Quran

Responden dari Masjid A memberikan maklumat tentang aktiviti pengajaran tajwid al-Quran yang dijalankan di masjid mereka. Kelas mengaji dan pembelajaran tajwid diadakan pada hari Isnin dan Khamis pada sesi petang, dan juga sesi pagi pada hari Selasa dan Rabu. Penekanan diberikan kepada talaqqi (membaca dan mengulangi) dan pengajaran tajwid, yang dipimpin oleh ustazah Hasni. Pentingnya aktiviti ini adalah untuk memperbaiki bacaan al-Quran dan pemahaman tajwid dalam kalangan jemaah, serta untuk menyediakan peluang kepada wanita (muslimat) untuk memperkukuhkan pengajian agama mereka. Maklumat ini menggambarkan komitmen masjid dalam menyediakan pendidikan al-Quran yang komprehensif dan berfokus pada pengembangan kemahiran membaca al-Quran dengan betul. Penyataan responden:

Kelas mengaji dan belajar tajwid setiap hari Isnin dan Khamis pukul 3 petang. Itu sesi petang dan sesi pagi di bawah ustazah Hasni. Kita ada untuk sama juga talaqqi, tajwid di bawah ustazah Hasni bermula dari pukul 8 pagi. Itu hari Selasa dan Rabu itu untuk talaqqi itu untuk muslimat.

Responden Masjid A

Responden dari Masjid C memberikan maklumat yang menarik tentang penambahan aktiviti pengajaran al-Quran. Beliau menyebut bahawa pada minggu ketiga, dan akan bermula pada minggu depan, akan ada tambahan kuliah Quran serta sesi talaqqi. Yang menarik, responden juga menyatakan bahawa beliau sendiri yang mengendalikan kelas. Ini menunjukkan usaha yang aktif dan komitmen untuk memperluaskan aktiviti pendidikan al-Quran di dalam masjid. Penambahan ini boleh mencerminkan minat yang tinggi dalam memahami dan membaca al-Quran dengan betul, serta peranannya dalam memperkukuhkan pengajian agama dalam komuniti masjid tersebut. Penyataan responden:

Minggu ketiga dan bermula minggu depan, ada tambah lagi kuliah Quran, talaqqi...kelas saya sendiri.

Responden Masjid C

4.3 Kelas tadabbur al-Quran

Responden dari Surau B memberikan maklumat tentang program tadabbur al-Quran yang dijalankan di surau mereka. Program ini berlaku setiap minggu dan mencakup tadarus al-Quran, yang dijalankan sekali dalam kelas tajwid bersama guru yang memiliki sanad al-Quran. Program ini dikhaskan untuk muslimat. Maklumat ini menunjukkan penekanan pada penghayatan dan pemahaman terhadap al-Quran, yang diintegrasikan bersama dengan pengajaran tajwid. Ini mencerminkan usaha yang jelas dalam memupuk hubungan yang lebih mendalam dengan al-Quran dalam kalangan jemaah wanita dan penekanan pada pemahaman yang lebih mendalam tentang ayat-ayat al-Quran. Penyataan responden:

Program tadabbur sebenarnya setiap minggu, cumanya tadarus ini sekali dengan kelas tajwid jugalah dari guru yang bersanad Quran. Itulah dia untuk muslimat.

Responden Surau B

Responden dari Masjid B memberikan maklumat tentang kelas tadabbur al-Quran yang dijalankan di masjid mereka. Kelas ini berlangsung dari hari Isnin hingga Jumaat dan dipimpin oleh ustaz Azhari. Maklumat ini menunjukkan bahawa di masjid mereka, terdapat penekanan pada pengajaran tadabbur al-Quran sepanjang minggu kerja. Aktiviti ini memberikan peluang kepada jemaah untuk memahami dan merenungkan makna serta hikmah ayat-ayat al-Quran dengan bimbingan dari seorang ustaz. Ia mencerminkan komitmen masjid dalam menyediakan platform untuk pemahaman mendalam terhadap al-Quran dalam kehidupan sehari-hari jemaah.

Hari Isnin sampai Jumaat jadi ada kelas tadabbur al-Quran yang dibawa oleh ustaz Azhari

Responden Masjid B

Responden dari Surau B dan Masjid B telah memberikan gambaran mengenai aktiviti tadabbur al-Quran yang dijalankan di tempat ibadah mereka. Aktiviti ini mencakup tadarus al-Quran dan pemahaman mendalam terhadap ayat-ayat al-Quran. Di Surau B, program tadabbur al-Quran diadakan setiap minggu, dengan penekanan pada tadarus al-Quran dan pengajaran tajwid oleh guru yang memiliki sanad al-Quran, dengan fokus pada muslimat. Di sisi lain, di Masjid B, kelas tadabbur al-Quran berlangsung sepanjang minggu kerja dari hari Isnin hingga Jumaat, dengan bimbingan dari ustaz.

Kesemua maklumat ini mencerminkan komitmen masjid dan surau ini dalam memupuk pemahaman mendalam dan penghayatan terhadap al-Quran dalam kalangan jemaah mereka. Aktiviti tadabbur al-Quran ini memberikan peluang untuk pemahaman yang lebih mendalam tentang ajaran al-Quran dan meningkatkan kefahaman terhadap makna serta hikmah di sebalik ayat-ayatnya. Ini mengukuhkan peranan masjid dan surau sebagai pusat pendidikan dan pemahaman agama dalam komuniti mereka.

4.4 Kelas Pengurusan Jenazah

Responden dari Surau A dan Masjid C menyatakan mengenai kursus-kursus pengurusan jenazah yang diperuntukkan khusus untuk muslimat. Maklumat ini menunjukkan kepedulian dan komitmen masjid dan surau ini dalam memberikan peluang kepada wanita Muslim untuk mempelajari aspek-aspek berkaitan dengan pengurusan jenazah dalam Islam. Kursus-kursus ini mungkin mencakup prosedur dan tugas-tugas yang perlu dijalankan semasa proses pengurusan jenazah dalam masyarakat Muslim. Ini merupakan contoh bagaimana masjid dan surau memainkan peranan penting dalam memberikan pendidikan yang relevan dan praktikal kepada komuniti Muslim, yang membantu meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam aspek-aspek penting kehidupan beragama dan sosial mereka. Penyataan responden:

Kelas pengurusan jenazah.

Responden Surau A

Penyataan responden:

Kursus-kursus pengurusan jenazah khas untuk muslimat

Responden Masjid C

4.5 Kelas Memasak dan Menjahit

Responden dari Masjid A memberikan maklumat tentang aktiviti pendidikan yang melibatkan kelas memasak. Beliau menyebut bahawa pada masa tertentu, beliau telah mengadakan kursus memasak yang melibatkan kerjasama dengan Kolej Komuniti Kajang dan Kolej Komuniti Hulu Langat. Program ini membawa peserta dari masjid beliau ke kolej-kolej tersebut kerana mereka dilengkapi dengan peralatan dan chef profesional. Ini memberikan peluang kepada individu yang berminat untuk belajar dan meningkatkan kemahiran memasak dengan akses kepada peralatan dan bimbingan yang diberikan oleh chef. Selain itu, beliau juga menyebut mengenai program jahitan telekung yang turut dijalankan. Maklumat ini mencerminkan usaha masjid dalam menyediakan pelbagai jenis kursus yang memenuhi keperluan komuniti, dari kemahiran memasak hingga kemahiran menjahit, dan memberikan peluang untuk pembelajaran dan perkembangan kemahiran dalam konteks agama dan kehidupan seharian. Penyataan responden:

Untuk pendidikan masa di bawah saya dulu saya pernah buat masak, kursus masak join dengan Kolej Komuniti Kajang. So saya bawa peserta-peserta daripada masjid ke Kolej Komuniti Kajang sebab masalahnya kat sana lengkap peralatannya dengan chefnya. Dengan chefnya dengan alat-alatnya. Hulu Langat dekat Kajang. Lepas itu kita pernah juga buat program, Kolej Komuniti Hulu Langat. Pernah juga buat program jahitan telekung, Alhamdulillah ramailah peserta.

Responden Masjid A

Responden dari Surau B memberikan maklumat tentang aktiviti pendidikan yang melibatkan kelas memasak dan pembelajaran kemahiran yang diadakan untuk muslimat. Program ini mencakup pengajaran cara membuat kek dan tauhu. Tujuan utama adalah untuk memberikan kemahiran yang dapat membantu muslimat dalam menjana pendapatan ekonomi mereka sendiri. Inisiatif ini mencerminkan komitmen surau dalam memberikan peluang kepada muslimat untuk meningkatkan kemahiran praktikal yang dapat meningkatkan kebolehan mereka dalam memastikan kesejahteraan ekonomi dan kemahiran harian mereka. Selain daripada pendidikan agama, usaha seperti ini juga memberikan peluang untuk pemerksaan ekonomi dalam komuniti.

Pendidikan untuk muslimat kita adakan kelas memasak dan juga kemahiran yang kita harapkan dapat dengan ilmu itu muslimat menjana ekonomi. Kita ajar buat kek, carrot cake. Lepas itu mereka boleh cuba buat di rumah. Ada panggil guru untuk buat tauhu.

Responden Surau B

Responden dari Masjid A dan Surau B telah memberikan maklumat tentang aktiviti kelas memasak dan menjahit yang diadakan di masjid dan surau mereka. Aktiviti-aktiviti ini bertujuan untuk memberikan kemahiran praktikal kepada jemaah, terutamanya muslimat, yang dapat membantu mereka dalam menjana pendapatan ekonomi mereka sendiri. Program-program ini mencakup pengajaran cara membuat pelbagai jenis makanan, seperti kek dan tauhu, serta kemahiran menjahit seperti telekung. Usaha ini mencerminkan komitmen masjid dan surau dalam menyediakan peluang pendidikan dan pembangunan kemahiran praktikal yang sesuai dengan keperluan komuniti mereka. Selain daripada aspek agama, aktiviti-aktiviti ini juga memperlihatkan perhatian terhadap pemerksaan ekonomi wanita dalam komuniti Muslim, yang merupakan langkah yang penting dalam pembangunan komuniti secara holistik.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa aktiviti pendidikan yang termasuk kuliah berkitab, kelas tadarrus dan tajwid al-Quran, kelas tadabbur al-Quran, kelas pengurusan jenazah, kelas memasak dan menjahit dapat memperkasakan wanita. Kuliah berkitab memberikan pengetahuan agama yang mendalam, sementara kelas tadarrus dan tajwid al-Quran meningkatkan kemahiran membaca dan menyebut ayat-ayat Al-Quran dengan betul. Kelas tadabbur al-Quran memberikan pemahaman mendalam terhadap ajaran Islam. Kelas pengurusan jenazah memberikan kemahiran praktikal dalam mengendalikan urusan jenazah, manakala kelas memasak dan menjahit memberi wanita kemahiran harian yang boleh meningkatkan kemandirian mereka. Secara keseluruhannya, aktiviti-aktiviti ini tidak hanya meningkatkan pengetahuan agama wanita tetapi juga memberi mereka kemahiran praktikal yang berguna dalam kehidupan seharian, menjadikan mereka lebih berdaya dan berkesan dalam menyokong komuniti dan masyarakat mereka.

Rumusannya, aktiviti pendidikan di masjid dan surau di Bandar Ilmu Putra Mahkota menunjukkan peranan penting dalam memperkasakan wanita. Kajian menunjukkan bahawa program-program seperti kuliah berkitab, kelas tadarrus dan tajwid al-Quran, kelas tadabbur al-Quran, kelas pengurusan jenazah, kelas memasak dan menjahit memberikan impak positif kepada wanita di komuniti tersebut. Kuliah berkitab memberikan pengetahuan agama yang mendalam, manakala kelas tadarrus dan tajwid al-Quran meningkatkan kemahiran membaca

Al-Quran. Kelas tadabbur al-Quran memberikan pemahaman mendalam tentang ajaran Islam. Kelas pengurusan jenazah memberikan kemahiran praktikal, dan kelas memasak serta menjahit memberi kemahiran harian. Semua ini bukan sahaja meningkatkan pengetahuan agama wanita, tetapi juga memberi mereka kemahiran praktikal yang dapat meningkatkan kemandirian dan sumbangan mereka dalam komuniti. Oleh itu, aktiviti pendidikan di masjid dan surau memainkan peranan utama dalam memperkasakan wanita di Bandar Ilmu Putra Mahkota.

6. Kesimpulan

Dapatan kajian menunjukkan bahawa aktiviti pendidikan wanita yang melibatkan kelas-kelas agama seperti pengajian berkitab, tafsir, tadabbur, tadarrus, tajwid al-Quran, serta kelas-kelas kemahiran seperti pengurusan jenazah, memasak, dan menjahit, memainkan peranan penting dalam pembangunan holistik wanita Muslim dalam komuniti. Kajian ini mendapati beberapa ciri dan manfaat utama dari aktiviti pendidikan ini:

1. Pemahaman Al-Quran yang Lebih Mendalam: Kegiatan pengajian berkitab, tafsir, dan tadabbur al-Quran memberikan peluang kepada peserta untuk memahami dan merenungkan makna serta hikmah dari ayat-ayat al-Quran. Ini membantu meningkatkan pemahaman terhadap ajaran Islam dan menguatkan keimanan jemaah.
2. Peningkatan Kemahiran Bacaan Al-Quran: Kelas tadarrus dan tajwid al-Quran memberikan kemahiran dalam membaca al-Quran dengan betul dan dengan tajwid yang baik. Ini penting dalam menjaga bacaan yang benar dan tepat dalam ibadah solat dan dalam membaca al-Quran sehari-hari.
3. Penghayatan dan Pengamalan Agama: Kegiatan tadabbur dan aktiviti tafsir membantu jemaah dalam menghayati ajaran Islam dan mengaplikasikannya dalam kehidupan harian. Ini menggalakkan amalan yang lebih mendalam dan relevan dalam masyarakat.
4. Pemerksaan Wanita: Aktiviti-aktiviti ini memberi peluang kepada wanita untuk mendapatkan ilmu agama dan kemahiran yang dapat meningkatkan taraf kehidupan mereka. Ini tidak hanya memperkukuhkan pengetahuan mereka tetapi juga memberdayakan mereka untuk menjadi pemimpin dalam komuniti mereka.
5. Kemahiran Hidup Harian: Kelas-kelas kemahiran seperti memasak dan menjahit memberikan kemahiran praktikal yang berguna dalam kehidupan harian. Wanita belajar cara membuat makanan yang sihat dan menguruskan rumah tangga dengan lebih baik, serta memiliki kemahiran menjahit yang berguna.
6. Penglibatan Sosial dan Hubungan Komuniti: Kelas-kelas ini membina hubungan sosial dalam komuniti. Mereka mencipta persekitaran yang inklusif di mana wanita dapat berinteraksi, berkongsi ilmu, dan memperkukuhkan ikatan antara satu sama lain.

Dalam kesimpulannya, aktiviti pendidikan wanita yang meliputi pendidikan agama dan kemahiran praktikal adalah penting dalam pembangunan holistik wanita Muslim. Mereka membantu wanita untuk menjadi individu yang lebih berpengetahuan, mahir, dan berdaya dalam komuniti mereka, serta memainkan peranan penting dalam pemerksaan dan perkembangan komuniti secara keseluruhan.

7. Penghargaan

Geran Penyelidikan dan Inovasi KUIS (GPIK) 2022. Kod Penyelidikan: (2022/P/GPIK/GPM-02/021).

8. Rujukan

- Abu Bakar, S. A., Dimon, Z., & Majid, M. A. (2021). Program imarah masjid dalam kalangan muslimat: isu, cabaran dan penyelesaian dalam era pandemik. *Al-Mimbar*, 1(2), 68–76.
- Basit, A. (2009). Strategi pengembangan masjid bagi generasi muda. *KOMUNIKA: Jurnal Dakwah Dan Komunikasi*, 3(2), 270–286. <https://doi.org/10.24090/komunika.v3i2.130>
- Friese, S. (2012). *Qualitative Data Analysis with Atlas.ti*. SAGE Publications Ltd.
- Muhyiddinn, A. D., & Ridouan, A. (2020). Peranan ahli kariah masjid dalam mengimarahkan aktiviti-aktiviti masjid : Satu kajian di masjid Taman Bukit Bendera ,Mentakab Pahang Darul Makmur. *Al-Sirat*, 19, 117–134.
- Mustari, M. I., & Jasmi, K. A. (2008). *Fungsi dan Peranan Masjid dalam Masyarakat Hadhari*. Penerbit Universiti Teknologi Malaysia. http://www.penerbit.utm.my/bookchapterdoc/PPIPS/bookchapter_ppips02.pdf
- Muttaqin, A. I., & As'adi, M. (2019). Pendampingan kegiatan keagamaan di Masjid Al Falah Dusun Krajan Desa Siliragung Kecamatan Siliragung Banyuwangi. *Jurnal ABDI KAMI (Jurnal Pengabdian Kepada Masyarakat)*, 1(2), 105–114.
- Norani, M. N. M., & Abdullah, W. H. (2020). Analisis aktiviti pengajian keagamaan di institusi masjid-masjid Negeri Melaka. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 3(1), 119–129.
- Nyhaugen, L. (2019). Mosques as gendered spaces: The complexity of women's compliance with, and resistance to, dominant gender norms, and the importance of male allies. *Religions*, 10(5), 1–15. <https://doi.org/10.3390/rel10050321>
- Priyono, D. J., Fawaidi, B., & Nurhayati, U. (2020). Pemberdayaan masjid: Pembinaan masjid agar menjadi masjid yang makmur di Masjid Al-Huda Dusun Darussalam Desa Jatimulyo Kecamatan Jenggawah Kabupaten Jember. *Al-Ijtima': Jurnal Pengabdian Kepada Masyarakat*, 1(1), 26–40.
- Siti Uzairiah, M. T. (2017). *Kajian Kualitatif dan Analisis Temubual*. Aras Publisher.
- Ufiana. (2016). Efektivitas dakwah muslimat NU di Desa Nyamuk Kecamatan Karimunjawa Kabupaten Jepara. *Jurnal An-Nida*, 8(1), 83–92.